

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berkenaan “Strategic Partnership” ataupun Rakan Strategi:-

- (a) Definisi “Rakan Strategi” dengan China; dan
- (b) Apakah perbezaan dan kebaikan bukan rakan dan rakan strategi dan senarai rakan strategi dengan negara lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perjanjian kerjasama, atau dengan izin *partnership agreement*, merupakan salah satu kaedah utama yang digunakan oleh Kerajaan China untuk menguruskan hubungan dua hala dengan negara-negara lain.

3. Perjanjian kerjasama ini terbahagi kepada enam peringkat, iaitu:

- 3.1 Perkongsian Kerjasama Mesra;
- 3.2 Perkongsian Kerjasama;
- 3.3 Perkongsian Kerjasama Komprehensif;

- 3.4 Perkongsian Strategik;
- 3.5 Perkongsian Strategik Komprehensif; dan
- 3.6 Perkongsian Kerjasama Strategik Komprehensif.

4. Malaysia dan China kini telah mencapai kerjasama di tahap kelima iaitu Perkongsian Strategik Komprehensif. Di tahap ini kerjasama strategik di antara kedua-dua negara bukan sahaja merangkumi hal ehwal dua hala, malah merangkumi juga kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa. Pihak Kementerian Luar Negeri juga kini sedang menggerakkan usaha bagi memastikan kerjasama tersebut terus dipertingkatkan ke tahap lebih tinggi lagi.

5. Saya juga ingin merujuk kepada soalan kedua daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu. Dari sudut kebaikan, mempunyai rakan strategik memberi beberapa kelebihan kepada Malaysia. Antaranya, Malaysia akan mempunyai akses kepada beberapa bentuk kerjasama yang dikhususkan khas kepada negara-negara tertentu sahaja. Sebagai contoh Malaysia telah menubuhkan taman perindustrian berkembar di Qinzhou dan Kuantan, hasil dari Perkongsian Strategik Komprehensif dengan Kerajaan China.

6. Perkongsian dengan rakan strategik juga memberi ruang kepada Malaysia untuk mengetengahkan isu-isu serantau dan antarabangsa dengan lebih berkesan. Gandingan usahasama dengan rakan strategik akan memastikan pendirian Malaysia dapat disampaikan dengan lebih jelas di pentas-pentas rundingan antarabangsa. Terutamanya, dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama seperti alam sekitar, jenayah rentas sempadan, keganasan dan sebagainya.

7. Malah kebaikan akan turut dinikmati oleh rakyat yang berkunjung ke negara rakan strategik melalui pemberian kemudahan visa atau tempoh tinggal yang lebih panjang dan sebagainya.

8. Untuk makluman, sehingga kini, Malaysia mempunyai enam rakan strategik iaitu Australia, China, India, Jepun, Turki dan Vietnam.

Sekian, terima kasih.